



Kerajaan baru: Media juga perlu beri peluang

BH 16/04/09 ms20

Ulasan Muhyiddin disalah tafsir seolah-olah sumbangan masyarakat Cina dalam pembangunan tak dihargai

KENYATAAN Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, hujung minggu lalu mengenai pola pengundian masyarakat Cina pada dua pilihan raya kecil yang baru selesai di Semenanjung – kawasan Parlimen Bukit Gantang dan Dewan Undangan Negeri Bukit Selambau – jelas tidak disenangi oleh parti politik Cina.

Ini terbukti apabila pemimpin dua parti komponen BN, iaitu MCA dan Gerakan, berasakan perlu mengeluarkan kenyataan – walaupun dengan berhati-hati dan tertib – bahawa keputusan di Bukit Gantang dan Bukit Selambau tidak semestinya menggambarkan sentimen pengundi Cina di seluruh negara.

Seperti yang sudah banyak diperkatakan, keputusan di kedua-dua pilihan raya kecil itu menunjukkan kemerosotan ketara undi orang Cina terhadap calon BN, berbanding undi Melayu yang jelas meningkat.

Perbezaan jelas dari segi pola pengundian antara dua suku kaum terbesar ini mendorong ramai penganalisis tertanya-tanya punca sebenar menyebabkan persepsi terhadap BN yang berbeza-beza berdasarkan kaum ini, sedangkan kerajaan yang sama berusaha sedaya upaya untuk memuaskan selera semua pihak sejak kekalahan teruk dialami parti berkenaan pada Pilihan Raya Umum ke-12 lalu.

Dalam konteks ini, kalau keputusan di dua bukit itu mewakili sentimen pengundi di seluruh negara, ia seolah-olah menyatakan, orang Melayu lebih mudah diyakinkan sementara pengundi Cina agak sukar sedikit. Ia juga boleh dianggap sebagai memperlihatkan bahawa orang Melayu lebih menghargai usaha kerajaan sementara masyarakat Cina seolah-olah langsung tidak peduli.

Oleh kerana kerajaan baru di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sudah berulang kali meminta rakyat memberikan kerajaannya peluang membuktikan kemampuan



KEPUTUSAN pilihan raya kecil Parlimen Bukit Gantang menunjukkan kemerosotan ketara undi orang Cina terhadap calon BN.

“Perbezaan jelas dari segi pola pengundian antara dua suku kaum terbesar ini mendorong ramai penganalisis tertanya-tanya punca sebenar menyebabkan persepsi terhadap BN yang berbeza-beza berdasarkan kaum ini, sedangkan kerajaan yang sama berusaha sedaya upaya untuk memuaskan selera semua pihak sejak kekalahan teruk dialami parti berkenaan pada Pilihan Raya Umum ke-12 lalu”

“Sebenarnya Muhyiddin tidak pun memberikan jawapan yang menyakitkan hati sesiapa, seperti yang cuba digambarkan oleh sesetengah media, terutama

dan kejujuran untuk memenuhi aspirasi rakyat, pilihan raya kecil yang dilangsungkan hanya beberapa hari selepas peralihan kuasa kepimpinan negara disempurnakan, ada pihak beranggapan orang Melayu kelihatan lebih bersedia memberikan BN peluang, manakala masyarakat Cina terus mahu menghukum.

Itulah antara tafsiran yang diberikan oleh pelbagai pihak terhadap keputusan pilihan raya kecil Bukit Gantang dan Bukit Selambau baru-baru ini. Mungkin maklum balas daripada pelbagai pihak inilah juga yang mendorong Muhyiddin, selaku Pengarah Pilihan Raya BN bagi pilihan raya kecil itu, memberikan maklum balas yang menjadi pertikaian sekarang.

Sebenarnya Muhyiddin tidak pun memberikan jawapan yang menyakitkan hati sesiapa, seperti yang cuba digambarkan oleh sesetengah media, terutama akhbar Cina, apabila beliau mengulas isu kemerosotan undi Cina ini.

Apabila soalan itu dibangkitkan dalam temuramah dengan sebuah akhbar mingguan berbahasa Melayu hujung minggu lalu, beliau antara lain berkata: "Pada waktu itu, kita pun tidak berharap sokongan kaum Cina meningkat 40 peratus dan sebagainya, cuma kita berharap ada peningkatan sedikit tetapi apa yang berlaku ia mencatatkan penurunan, macam (seolah-olah) tidak ada penghargaan terhadap apa yang

kita lakukan."

"Oleh itu, kita kena kaji psikologi apa yang menyebabkan masyarakat Cina tidak bersedia untuk berubah, pada zaman dulu tidak begitu," katanya.

Dalam banyak segi komen yang diberikan Timbalan Perdana Menteri itu, masih lagi berlegar di sekitar batasan 'fair comment' atau ulasan munasabah. Sebagai orang yang mengetahui jentera kempen parti, beliau berhak mengetahui punca masalah itu dan berusaha mengatasinya untuk pilihan raya kecil atau pilihan raya umum akan datang.

Malangnya sesetengah pihak, terutama akhbar Cina, agak terlalu sensitif dengan kenyataan berkenaan. Ulasan yang dibuat cuba menggambarakan seolah-olah Muhyiddin tidak menghargai sumbangan masyarakat Cina terhadap pembangunan negara selama ini.

Ini tentu meresahkan masyarakat Cina di negara ini. Bagi Muhyiddin, label yang cuba dipalitkan kepada dirinya hanya beberapa hari selepas dilantik ke jawatan itu, tentulah sesuatu yang cukup memudaratkan karier beliau. Perbuatan itu boleh dianggap sebagai berniat jahat dan sengaja mahu merosakkan keharmonian kaum di negara ini.

Ini tentu tidak adil, terutama tatkala beliau dan Najib berulang kali mengingatkan bahawa me-

reka adalah pemimpin untuk semua rakyat Malaysia. Kerajaan yang ada akan terus memperjuangkan kepentingan setiap lapisan rakyat tanpa mengira kaum, agama atau fahaman politik.

Konsep 'Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' yang diperkenalkan oleh kepimpinan baru akan membuktikan ini semua dalam waktu mendatang. Rakyat cuma perlu bersabar dan bersedia memberikan kerajaan peluang yang mereka minta.

Orang Melayu juga tidak perlu risau dengan konsep itu kerana ia berbeza dengan konsep 'Malaysian Malaysia' yang digembar-gemburkan oleh pembangkang. Konsep '1Malaysia' lebih adil dan saksama untuk semua kaum. Golongan yang perlu dibantu dari semua kaum akan tetap dibantu.

Dalam hubungan ini, media yang juga sebahagian daripada rakyat boleh membantu dengan tidak membesar-besarkan perkara yang tidak pasti atau memberikan tafsiran yang boleh menimbulkan keresahan di kalangan rakyat terhadap sesuatu isu. Kalau ini dapat dilakukan, sebahagian daripada peluang yang diminta kerajaan sudah dapat dipenuhi.

Datuk Rahman Sulaiman ialah bekas Ketua Pengarang Bernama

akhbar Cina, apabila beliau mengulas isu kemerosotan undi Cina ini"

“ *Dalam banyak segi komen yang diberikan Timbalan Perdana Menteri itu, masih lagi berlegar di sekitar batasan 'fair comment' atau ulasan munasabah. Sebagai orang yang mengetahui jentera kempen parti, beliau berhak mengetahui punca masalah itu dan berusaha mengatasinya untuk pilihan raya kecil atau pilihan raya umum akan datang”*